

## ABSTRAK

Kajian ini yang bertajuk “Af‘āl Allah Menurut Al-Jurjani (m. 816H./1413M.) : Kajian dan Terjemahan Teks Terpilih Dari *Syarh Al-Mawaqif*” merupakan sebuah kajian yang menganalisis dan menterjemah teks *al-marṣad al-sādis* yang membicarakan tentang Perbuatan Allāh daripada *al-mawqif al-khāmis* tentang *ilāhiyāt* dalam kitab *Sharḥ al-Mawāqif* karangan al-Sayyīd al-Sharīf al-Jurjānī. Objektif kajian ini adalah untuk mendedahkan pemikiran Ashā‘irah berpandukan olahan al-Jurjānī dalam mendepani wacana isu *Af‘āl Allāh*. Kajian ini mengandungi enam bab. Bab satu iaitu pendahuluan menjelaskan tentang latarbelakang, skop dan objektif kajian serta metodologi yang digunakan dalam menghasilkan kajian ini. Bab dua mengetengahkan pengenalan kepada ketokohan al-Sayyīd al-Sharīf al-Jurjānī dan keistimewaan kitab beliau *Sharḥ al-Mawāqif*. Bab tiga dan empat memperincikan pemikiran al-Jurjānī ke atas konsep *Af‘āl Allāh* dan isu-isu yang berhubung dengannya. Bab lima merupakan himpunan terjemahan teks terpilih dan bab enam kesimpulan kajian. Secara keseluruhan, kajian ini berkonsepkan perpustakaan (*library research*) yang berteraskan dua kaedah pengkajian iaitu pengumpulan dan analisis data. Bagi menganalisis data, tiga sub aplikasi digunakan iaitu induktif, deduktif dan komparatif. Hasil yang dijumpai oleh kajian ialah, Ashā‘irah dan al-Jurjānī khasnya telah mengaplikasikan beberapa metode dalam menganalisis dan menjelaskan isu-isu yang didebatkan dalam isu *Af‘āl Allāh*. Metode-metode tersebut terhasil daripada pengimbangan dan penolakan terhadap hujah serta pemikiran mutakallimun yang lain seperti pendekatan *ta‘allūq* (kaitan) yang memperjelaskan bagaimana hubungkait Perbuatan Allāh yang bersifat qadim dengan hamba yang bersifat baharu dan manhaj *jā‘iz* (harus) yang memutlaqkan sifat *Irādah* Allāh SWT menguasai setiap sesuatu. Didapati, metode-metode ini berupaya merawat polemik yang timbul daripada isu *Af‘āl Allāh*. Di samping itu, kajian juga menemui betapa lemah dan tidak seragamnya pengutaraan hujah dan pemikiran mutakallimun yang lain. Berdasarkan kepada hubungan isu *Af‘āl Allāh* dengan rukun beriman *qaḍā’* dan *qadar*, isu ini wajib diperjelas dengan sebaik mungkin demi mengelakkan *muslimūn* keliru dalam memilih pendekatan dan iktikad yang sepatutnya untuk memahami isu *Af‘āl Allāh* seterusnya menyakini keimanan kepada *qaḍā’* dan *qadar*.

## ABSTRACT

This research entitled “*Af’āl Allah* According To Al-Jurjani (d. 816/1413): A Textual Study With Translation of Selected Texts of *Syarh al-Mawaqif*” is an analysis and translation of *al-marṣad al-sūdis*, that deals with the problem of Divine Actions, from *al-mawqif al-khāmis* of *Syarh al-Mawāqif* by al-Sayyid al-Sharīf al-Jurjānī. This research aims to present Ash’arite theological thought concerning Divine Actions based on al-Jurjānī’s elucidation. It consists of six chapters. The first chapter introduces the research’s background, scope and objectives and its methodology. The second chapter introduces the author al-Sayyid al-Sharīf al-Jurjānī and his writing *Syarh al-Mawāqif*, followed by the third and the fourth chapters whereby al-Jurjānī’s thought on Divine Actions and issues related to it such as Divine and human actions, the theory of *kasb* and the problem of Good and Evil were analysed. The fifth chapter is the Malay translation of selected texts and finally the sixth chapter presents the research findings and conclusions. The research is entirely a library research. In analysing the data, it uses inductive, deductive and comparative methods. The research finds that Ash’arite and especially al-Jurjānī have applied several methods in analysing and disclosing the debated matters concerning the Divine Actions. These methods are the result of their counterbalance and repelled to other Muslims theologian approaches. For example they introduced the idea of *ta’allūq* to explicate how the eternal Divine Actions can be related to the concurrency of mankind and how the *ja’iz* manner takes part in the absolute Will of Allah. With all these methods they manage to explain and clarify many polemical issues arose on the subject.